

Abdullah terima Anugerah Kepimpinan Global Yayasan Napoleon Hill

Oleh ROZAMAN ISMAIL

um - 13/3/2007

PUTRAJAYA 12 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menerima Anugerah Kepimpinan Global Yayasan Napoleon Hill sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan beliau dalam kepimpinan global.

Abdullah yang merupakan penerima pertama anugerah berkenaan dipilih atas kepimpinan, komitmen serta dedikasi cemerlang dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Anugerah yang berupa sebuah medal itu disampaikan oleh Presidennya, James Oleson dalam satu majlis sempena Konvensyen Antarabangsa Napoleon Hill 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini.

Yayasan Napoleon Hill ialah sebuah institusi pendidikan bukan berasaskan keuntungan yang berpusat di Amerika Syarikat dan menggunkan falsafah Hill bagi menjadikan dunia tempat lebih baik untuk hidup.

Oleson ketika membaca perutusan Pengerusi yayasan berkenaan Dr. Charles Johnson berkata, Perdana Menteri telah memberi

khidmat penuh dedikasi terhadap pembangunan Malaysia khususnya dari aspek sosioekonomi.

Abdullah dalam ucapan balasnya pula berkata, beliau terharu dengan anugerah tersebut dan dengan rasa rendah diri bertanya balik: "Layakkan saya menerimanya?"

Para hadirin yang berada di dewah berkenaan menjawab: "Sudah tentu."

Terbaik

Menurut Abdullah, masyarakat antarabangsa telah menjadikan Malaysia sebagai model kejayaan pembangunan sebuah negara berbilang kaum, malah ia sering kali dicemburui negara lain yang turut mempunyai masyarakat majmuk.

Walaupun Malaysia akan terus berhadapan dengan cabaran berkaitan etnik, keagamaan dan lingkungan perbezaan pendapat, Perdana Menteri yakin model dan strategi digunakan oleh negara adalah yang terbaik pada masa ini.

"Kita ada kontrak sosial yang terus berta-

han dan kita akan terus dipimpin oleh nilai-nilai dan prinsip kesederhanaan, permufakatan serta keadilan untuk semua.

"Dasar-dasar integrasi serta penyertaan akan kekal sebagai asas kepada strategi sosial dan politik manakala pembangunan saksama serta perongsian kemakmuran dalam satu persekitaran kompetitif pula kekal sebagai asas kepada dasar ekonomi negara.

"Walaupun kadangkala ia kelihatan seolah-olah seperti tidak banyak kemajuan dilakukan dan kadangkala berlaku kelewatan. Namun mengubah sesebuah negara dan rakyatnya bukanlah satu kerja mudah kerana ia memerlukan kehairahan dan kesungguhan.

"Dan saya tahu rakyat Malaysia, berkongsi kehairahan dan kesungguhan ini bersama-sama dengan saya," katanya.

Bagaimanapun, kata Abdullah, kerajaan juga perlu mempertingkatkan lagi dasar-dasar sedia ada dan mengelak berlaku lebihan dalam pelaksanaannya dan semua pihak termasuk pemimpin, masyarakat, ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan masing-masing.

Perdana Menteri juga yakin semangat, kepercayaan serta nilai-nilai yang dimiliki



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima skrol Anugerah Kepimpinan Global Yayasan Napoleon Hill daripada Presiden Napoleon Hill Foundation sempena Konvensyen Antarabangsa Napoleon Hill di PICC, Putrajaya, semalam.

- Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

oleh rakyat Malaysia akan menjadi penentu sama ada negara ini dan rakyatnya layak untuk berdiri sebaris dengan mereka yang terbaik di dunia.

"Saya yakin rakyat Malaysia mempunyai

apa yang diperlukan tetapi setiap rakyat perlu bekerja kuat, amat kuat kerana Napoleon Hill sudah tentunya akan menasihati kita dan kita juga mempunyai kepercayaan serta nilai untuk membimbing kita," katanya.